

PERTUKARAN MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MOU)



DIGITAL PERAK MEMETERAI KERJASAMA PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN DENGAN **MMU**

KERAJAAN NEGERI PERAK MELALUI DIGITAL PERAK KOLABORASI DENGAN MMU DALAM BIDANG MULTIMEDIA KREATIF DAN SOLUSI DIGITAL

IPOH, OKTOBER 9, 2020 – Kerajaan Negeri Perak melalui Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) menjalinkan kerjasama dengan Fakulti Multimedia Kreatif, Multimedia Universiti (MMU), Cyberjaya bagi meneroka bidang multimedia kreatif dan solusi digital.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu telah menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman (MoU) tersebut antara pihak Digital Perak dan MMU bagi menzahirkan kerjasama ini.

Digital Perak diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Tuan Meor Rezal Fitri bin Dato' Dr. Hj. Meor Redwan manakala MMU diwakili oleh Presiden, Prof. Dato' Dr. Mazliham Bin Mohd Su'ud.

Jalinan kerjasama yang dimeterai ini melibatkan penyelidikan bersama dan perundingan kepakaran, khususnya dalam projek realiti maya (virtual reality) dan realiti terimbuh (augmented reality) serta penempatan latihan industri pelajar berteraskan bidang tersebut bagi tempoh dua tahun.

MMU yang berstatus 'Premier Digital Tech University' dan salah sebuah universiti peneraju dalam bidang pendidikan ICT merupakan rakan sinergi bagi Digital Perak dalam kedua-dua jalinan kerjasama strategik ini bagi memenuhi keperluan semasa Revolusi Industri 4.0 untuk mencapai matlamat penyelidikan dan projek berimpak serta penyelidikan untuk meningkatkan kepakaran dalam ekonomi digital.